

ITQSHHB manifestasi kepemimpinan cemerlang Kebawah DYMM

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 September. - Kewujudan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) sebagai sebahagian mercu syiar Islam di Brunei adalah sangat dihargai oleh rakyat dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

Sejak penubuhannya pada tahun 1993, institut berkenaan telah menerima kemasukan seramai 1,148 pelajar (671 lelaki dan 477 perempuan), yang mana merca diterima belajar setelah berjaya menjalani ujian kelayakan yang diperlukan yakni tidak secara otomatik menurut kelayakan peringkat tertentu persekolahan semata-mata.

Perkara tersebut antara yang digariskan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato

Paduka Haji Awang Othman dalam sembah alu-aluannya pada Haflut Takharruj Ke-6 dan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Penubuhan ITQSHHB yang berlangsung pagi tadi di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut menyebarkan bahawa ITQSHHB merupakan institut tunggal yang berprestij di negara kita, yang juga telah mendapat perhatian dari luar negara, khasnya dari kalangan ilmuwan agama Islam yang mengetahuinya atau sempat mengunjunginya.

"Mereka menghargai dan sekali gus mengaguminya. Mereka melihatnya sebagai suatu manifestasi dari kepimpinan cemerlang lagi bijaksana raja Brunei yang berwibawa memimpin rakyat dan negaranya yang berkebijakan dengan

pegangan kuat kepada ajaran Islam," sembahnya.

Dengan menyaksikan kemajuan pengajian hafazan Al-Quran ITQSHHB ini, sembah Yang Berhormat lagi, dari setakat mengajarkan hafazan Al-Quran sehingga meningkat ke tahap pengajian ilmu Qiraat Al-Quran, yang mana semenjak pengajian Qiraat Peringkat Diploma 'Aliyah dimulakan pada tahun 2010 sudah terdapat seramai 88 graduan, termasuk 17 graduan hari ini.

Peningkatan itu, tambahnya, adalah suatu lanjutan daripada pengajian ilmu hafazan Al-Quran dan mclayakkan graduannya menyambung pengajian ke Peringkat Ijazah Sarjana Muda di Mahad Qiraat Syubra, Mesir, iaitu sebuah pusat pengajian hafazan Al-Quran dan Qiraat yang terkenal.

Tambahnya lagi jika dilihat dari hasil pengajian hafazan pula, ITQSHHB telah menghasilkan seramai 279 orang huffaz (hafiz-hafiz) yang khatam 30 juzuk Al-Quran, 53 orang daripadanya adalah huffaz yang diiktiraf lulus ujian Tasmik Al-Quran 30 juzuk, oleh Lembaga Tasmik Kebangsaan.

Dengan pengiktirafan itu ujarnya, mereka layak menerima anugerah elau bulanan sebanyak BND 1,000 setelah disahkan lulus ujian tahunan.

Menurut Yang Berhormat, pada akhir tahun 80-an terdapat pengajian hafazan *non-formal* di atas usaha persendirian individu yang menyukai agama dan ilmu agama sekali gus menyukai orang alim dengan keyakinan teguh kepada keberkatan mempelajari Al-Quran khasnya hafazan. Dari itu, pengajian dengan pimpinan dua orang guru hafiz itu dapat menampung keinginan sebahagian orang ramai yang mahukan anaknya belajar menghafaz Al-Quran.

Sambutan yang diterima waktu itu memberikan isyarat tentang adanya keperluan bagi negara mengangkat pengajian menghafaz Al-Quran kepada pengajian bersistem persekolahan formal yang khusus bagi maksud menghafaz Al-Quran.

"Maka itulah tertubuhnya



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa menyampaikan sembah alu-aluan pada Haflut Takharruj Ke-6 dan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Penubuhan ITQSHHB yang berlangsung di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

ITQSHHB, manifestasi kepimpinan arif bijaksana raja Brunei yang berwibawa memimpin rakyat dan menerajukan negara yang berkebijakan," jclasnya.

Tambahnya, sejarah telah mencatatkan dan akan terus mencatatkan bahawa pelajaran agama *non-formal* yang asalnya berpusat di balai-balai orang alim kemudian dilanjutkan oleh orang ramai dengan usaha kolektif menubuhkan balai-balai kampung sehingga apabila Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddin memerintah, baginda telah memulakan pelajaran agama diadakan pada hujung minggu (hari Sabtu) di Sekolah-sekolah Melayu.

Kemudian baginda menubuhkan persekolahan agama yang bersistem yang dikembangkan dengan persekolahan Arab seperti sekarang ini.

Ternyata jelasnya, jejak langkah yang bijak itu ada berkatnya di mana pada zaman pemerintahan anakanda baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Brunei dalam proses berterusan modernisasinya juga menyaksikan legasi rajanya yang menyiarkan

agama menerusi pengajian hafaz Al-Quran yang ulung di negara kita dengan menubuhkan ITQSHHB.

Terdahulu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyebarkan setinggi-tinggi sembah jujung kasih di atas limpah perkenan DYTM berkenan berangkat ke majlis tersebut.

Sesungguhnya sembah Yang Berhormat, keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri sangat bermakna tidak sahaja kepada graduan dan ibu bapa serta pnsyarah-pnsyarah mereka bahkan sangat signifikan kepada ITQSHHB yang diasaskan 25 tahun yang lalu oleh paduka ayahanda DYTM, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mana Haflut Takharruj Ke-6 bagi graduan peringkat pengajian Diploma 'Aliyah Qiraat ini adalah dalam sempena Sambutan Jubli Perak Penubuhannya.

Berhasrat lanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi

Berita dan Foto :
Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 September. - Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) adalah bagi meraikan graduan Diploma 'Aliyah Qiraat sekali gus merealisasikan visi institut berkenaan sebagai sebuah institusi tahfiz dan perkembangan Al-Quran yang terunggul di peringkat negara, serantau dan antarabangsa.

Menerusi temu bual Pelita Brunei bersama dua orang graduan Haflut Takharruj Ke-6 ITQSHHB yang mendapat Mumtaz (Cemerlang) dalam pengajian Diploma 'Aliyah Qiraat, Dayangku Nur Fatin Wahidah binti Pengiran Haji Md. Salihin memanjatkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas pencapaian yang diperolehi.

Beliau kini melanjutkan pengajian di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di Fakulti Bahasa Arab dan Terjemahan dalam peringkat Ijazah Sarjana Muda, namun berhasrat untuk melanjutkan pengajiannya sehingga ke

peringkat Kedoktoran.

Antara faktor yang menyumbang dalam memotivasikan diri beliau untuk berusaha dengan lebih gigih lagi ialah sokongan dan dorongan ibu bapa, keluarga, guru-guru pnsyarah dan rakan-rakan yang sentiasa membimbing beliau untuk memanfaatkan peluang yang ada. Sementara, Awang Muhammad Asmawi bin Haji Abu Bakar turut melahirkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas pencapaian cemerlang yang diperolehi.

Dengan meraih pangkat Mumtaz di peringkat Diploma 'Aliyah Qiraat, beliau turut mclahirkan rasa penghargaan kepada kedua ibu bapa beliau serta ahli keluarga, guru-guru pnsyarah dan rakan-rakan seperjuangan di atas segala sokongan, dorongan dan doa mereka sehingga beliau berjaya.

Menyentuh mengenai perancangan pada masa hadapan, Awang Muhammad Asmawi berhasrat untuk meneruskan pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi dengan memilih UNISSA sebagai batu loncatan beliau untuk mencruskan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Tahfiz dan Qiraat di Fakulti Usuluddin.



DUA orang graduan Haflut Takharruj Ke-6 ITQSHHB yang mendapat Mumtaz (Cemerlang) dalam pengajian Diploma 'Aliyah Qiraat, iaitu Awang Muhammad Asmawi bin Haji Abu Bakar (kiri) dan Dayangku Nur Fatin Wahidah binti Pengiran Haji Md. Salihin (kanan).



ANTARA para jemputan yang hadir pada Majlis Haflut Takharruj Ke-6 dan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Penubuhan ITQSHHB yang berlangsung di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.